

EAEC: Australia kendur tentangan

Oleh Faizal Fadzil

PETALING JAYA, Isnin—Australia mengendurkan tentangannya terhadap penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) apabila Menteri Luarnya, Senator Gareth Evans, menegaskan negaranya tidak menentang penubuhan dan perkembangan kerjasama itu.

"EAEC akan terus berkembang. Cuma apa yang kami khawatirkan ialah EAEC akan berkembang sehingga menghalang pembentukan dan perkembangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

"Tetapi jika EAEC tidak menjejaskan Apec dan berkembang di bawah konteks Apec, kita tidak akan menentang Apec penting kerana ia menghubungkan ekonomi di rantau Asia Pasifik.

"Justeru itu, Apec mesti terus menjadi gagasan utama di rantau ini," katanya ketika menjawab soalan peserta selepas menyampaikan ucapan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDHL), di sini hari ini.

Lebih 200 wakil kedu-taan asing di negara ini, sektor kerajaan, swasta dan ahli akademik mendengar ucapan Evans yang bertajuk "Kelahiran Sebuah Masyarakat Asia Pasifik".

Hadir sama ialah Menteri Luar, Datuk Abdul-



MESRA... Abdullah (kanan) sempat berbual dengan Evans sebelum ucapan bermula.

lah Ahmad Badawi.

Pendirian Evans berbeza dengan pandangan-nya di Manila Jun lalu apabila beliau menyifatkan pembentukan EAEC boleh memecah-belahkan kerjasama antara negara serta memberi amaran sebarang kumpulan perdagangan serantau yang mengecualikan pen-

yertaan Amerika Utara hanya mencetuskan bahaya besar.

Sebelum itu, dalam satu persidangan video di kedutaan Australia di Kuala Lumpur, Menteri Perdagangannya, Senator Bob McMullan, menjelaskan negara berkenaan belum bersedia menyokong EAEC.

Sementara itu, dalam ucapannya mengenai perkembangan Asia Pasifik sebagai satu masyarakat, Evans berkata, beliau menolak pandangan pertembungan tamadun di antara Barat, Islam dan Confucion akan menjadi ancaman keselamatan serantau. "Pandangan bahawa

kedua tamadun berke-naan tidak boleh bekerjasama dalam satu masyarakat dengan aman seperti di Asia Pasifik tidak boleh diterima," katanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menjangka akan wujud masyarakat Asia Pasifik dalam konteks seperti di Eropah.